

Lebih 100 pelajar S'pura dan negara Asia terlibat dalam program jaga alam sekitar

► **HAIRIANTO DIMAN**
mdhairi@sph.com.sg

LEBIH 100 pelajar dari Singapura dan beberapa negara Asia akan menghadiri program latihan demi memperjuang isu persekitaran.

Semalam, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Program Endowmen Teknologi Singapura (STEP) melancarkan Program Alam Sekitar Sunburst STEP-NUS keempat, acara tahunan yang mempunyai matlamat menyalakan semangat dan minat di kalangan pelajar agar menjaga alam sekitar selain mendidik mereka mengenai isu alam sekitar.

Hadir selaku tetamu terhormat di majlis pelancaran program itu di auditorium RELC International Hotel ialah Menteri Negara Kanan (Sekitaran dan Sumber Air merangkap Kesihatan), Dr Amy Khor.

Bermula pada 2013, Program Alam Sekitar Sunburst STEP-NUS dianjurkan oleh STEP dengan kerjasama Inisiatif Kajian Kemampanan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim NUS yang dihoskan Institut Sains Marin Tropika (TMSI) dan Muzium Sejarah Semula Jadi Lee Kong Chian di NUS.

Program tahun ini menampilkan rakan kongsi baru iaitu World Harbours Project (WHP) yang bertujuan membangunkan pelabuhan di kawasan bandar yang berdaya tahan melalui perkongsian global, terdiri daripada institusi penyelidikan dan agensi berkenaan dengan kesihatan laluan air di kawasan bandar.

Tumpuan program tahun ini ialah isu pencemaran dan pelajar yang mengambil bahagian akan diberi tugas memeriksa pencemaran daripada perspektif kemampanan dan perubahan iklim.

Pelajar akan berpeluang belajar mengenai pelbagai aspek pencemaran serta cara menguruskan ekosistem dan bunyi dalam alam sekitar daripada ahli sains terkemuka.

Misalnya, Dr Mariana Mayer-Pinto daripada Universiti New South Wales dan WHP akan memperkenalkan konsep eko-kejuruteraan dalam persekitaran marin dan bagaimana ia boleh memainkan peranan dalam mewujudkan bandar mampan.



KONGSI ISU ALAM SEKITAR: Para pelajar Sekolah CHIJ St. Nicholas Girls mengongsi projek mereka dengan Dr Amy Khor (*kanan*) di majlis pelancaran Program Alam Sekitar Sunburst STEP-NUS 2016. – Foto STEP

Antara saintis terkemuka lain yang terlibat dalam program itu termasuk Profesor Rudolf Wu daripada Pusat Pengajian Sains Biologi di Universiti Hongkong dan Profesor Madya Lee Heow Pueh dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Fakulti Kejuruteraan NUS.

Selain itu, pelajar juga akan melawat

Hutan Simpanan MacRitchie, Hutan Simpanan Sungei Buloh dan Pulau St John's.

Mereka telah dibahagikan kepada kumpulan dan bagi menunjukkan pemahaman mereka tentang pelbagai aspek perubahan iklim dan kemampanan alam sekitar, mereka akan bersaing melalui penulisan esei, persembahan lisan dan

pembentangan poster.

Pasukan yang menang akan membawa pulang hadiah tajaan STEP.

Program yang berlangsung dari semalam hingga Jumaat ini melibatkan lebih 100 pelajar dari Singapura, Kemboja, China, India, Indonesia, Jepun, Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam.